KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA
# KPWKM

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 27 DISEMBER 2024



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

27/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **KEPOLISAN KOMUNITI PENTING BANTU TANGANI ANCAMAN PORNOGRAFI KANAK-KANAK** | | **POSITIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1169921/kepolisan-komuniti-penting-bantu-tangani-ancaman-pornografi-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **PERLU PEMBAHARUAN SEGERA KAWALAN MEDIA SOSIAL UNTUK LINDUNGI KANAKKANAK - SYERLEENA** | | **POSITIF** |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2376999 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1169881/perlu-pembaharuan-segera-kawalan-media-sosial-untuk-lindungi-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/platform-media-sosial-dituntut-bertanggungjawab-kandungan-pornografi-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **BANJIR RAUB PULIH SEPENUHNYA** | | **POSITIF** |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-raub-pulih-sepenuhnya-502139 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2377009 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **IOIPG RAI KANAK-KANAK RUMAH KEBAJIKAN** | | **POSITIF** |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/704046/bisnes/ioipg-rai-kanak-kanak-rumah-kebajikan#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |




27/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **YAYASAN PETRONAS BANTU 500 KELUARGA KURANG BERNASIB BAIK SEMPENA KRISMAS** | | POSITIF |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/12/26/yayasan-petronas-bantu-500-keluarga-kurang-bernasib-baik-sempena-krismas/ | TVSARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **ALUMNI 4B MALAYSIA LANCAR TABUNG KEBAJIKAN NEGERI** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/alumni-4b-malaysia-lancar-tabung-kebajikan-negeri/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **BAYI 41 HARI SERING SAWAN DIDAKWA TERJATUH KATIL HOSPITAL** | | POSITIF |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/12/26/bayi-41-hari-sering-sawan-didakwa-terjatuh-katil-hospital/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2377099 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/bapa-kesal-bayi-sering-diserang-sawan-dakwa-hospital-cuai/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/704024/edisi/terengganu/bapa-dakwa-kecuaian-kakitangan-hospital-punca-bayi-terjatuh-katil | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/baby-falling-off-cot-police-confirm-receiving-another-report-from-father-AA13460606 | THESUN.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/12/26/bayi-jatuh-katil-di-hospital-bapa-buat-repot-kedua/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://thesun.my/cerita/berita/bapa-bayi-terjatuh-katil-buat-laporan-polis-OA13460790 | THESUN.MY | |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN ANALITIK HARIAN
## JUMAAT, 27 DISEMBER 2024



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI






# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




## LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA




## LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA




## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




## PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Perlu pembaharuan segera kawalan media sosial untuk lindungi kanak-kanak | 3 |
| Bapa dakwa kecuaian kakitangan hospital punca bayi terjatuh katil | 7 |
| Kepolisan komuniti penting bantu tangani ancaman pornografi kanak-kanak | 1 |

## TAJUK BERITA UTAMA




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL




## LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL




## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




## PEMPENGARUH UTAMA/KOL

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Kerajaan Sarawk digesa segera menangani kelemahan dalam Skim Faedah Kesihatan Warga Emas (SCHB) | 2 |
| Dua kanak-kanak mangsa nahas tragis melibatkan lima kenderaan di Kilometer 204 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah utara berhampiran kawasan rehat dan rawat. | 5 |
| Mayat kanak-kanak tujuh tahun itu ditemukan terdampar oleh pasukan bomba ketika operasi SAR. | 4 |

## TAJUK TOPIK UTAMA




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

## FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | -34.4% ↓ | 100 | |
| 2 | kuala lumpur | -48.2% ↓ | 38 | |
| 3 | media sosial | -44.8% ↓ | 34 | |
| 4 | ketua polis | -46.5% ↓ | 29 | |
| 5 | berita terkini | -37.1% ↓ | 28 | |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | 100 |
| 2 | kuala lumpur | 48 |
| 3 | media sosial | 40 |
| 4 | ketua polis | 36 |
| 5 | kira kira | 32 |

## HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | #awaninews | -45.7% ↓ | 100 |
| 2 | #digitalbernamatv | 100.0% ↑ | 32 |
| 3 | #buletinbernama | NEW | 29 |
| 4 | #buletintv3 | -53.3% ↓ | 29 |
| 5 | #buletinutama | 40.0% ↑ | 29 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 100 |
| 2 | #awani745 | 37 |
| 3 | #buletintv3 | 33 |
| 4 | #malaysiagazette | 31 |
| 5 | #sinarplus | 20 |




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

## METRIK UTAMA

| Mentions | Impressions | Interactions | Avg. influence score | Opinion leaders |
|---|---|---|---|---|
| 670 ↓ | 20.94M ↓ | 27.22k ↓ | 4.9/10 ↓ | 149 ↓ |
| 40.6% less than in previous period | -55.95% less than in previous period | -77.28% less than in previous period | -5.6% less than in previous period | -21.99% less than in previous peric |

## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




**Net sentiment**

This is -2 points compared to the previous period.

**Analyzed 670 mentions**

- 183 with positive sentiment
- 181 with neutral sentiment
- 306 with negative sentiment




**Mostly negative**

The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

## SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA



# ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

## TOPIK UTAMA

**BAPA DAKWA KECUAIAN KAKITANGAN HOSPITAL PUNCA BAYI TERJATUH KATIL**
LIPUTAN BERITA

- KUALA TERENGGANU - Seorang peniaga membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu di sini pada Khamis, mendakwa kecuaian kakitangan hospital menyebabkan bayinya terjatuh katil sehingga kerap diserang sawan.
- Muhammad Syarifuddin Manan, 24, berkata, kejadian berlaku pada 17 November lalu ketika anak sulung perempuannya itu baru berusia dua hari.
- Menurutnya, ketika kejadian, bayinya yang disahkan menghidap jaundis dibawa oleh jururawat ke kenderaan untuk dipindahkan ke hospital lain.
- "Ketika proses memindahkan itu, bayi saya terjatuh dari katil bayi (baby cot) menyebabkan kepalanya terhentak ke atas jalan.

**CADANGAN**

Memperkasa Pendidikan dan Latihan Penjagaan Bayi dengan bekerjasama bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan kakitangan hospital diberi latihan berkala tentang prosedur keselamatan penjagaan bayi. Langkah-langkah ini bertujuan untuk memperbaiki tahap keselamatan penjagaan bayi di hospital serta memberikan sokongan kepada keluarga yang terkesan

**TINDAKAN**

- **KPWKM**
- **JKM**
- **LPPKN**




Muhammad Syarifuddin (tengah) di samping Mohd Hazwan (kanan) memegang gambar bayinya bersama laporan polis ketika ditemui di IPD Kuala Terengganu pada Khamis.

# Kepolisan komuniti penting bantu tangani ancaman pornografi kanak-kanak

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Kuala Lumpur: Kepolisan komuniti atau *community policing* adalah pendekatan penting dalam membantu menangani isu pemilikan dan penggunaan bahan terlarang di negara ini, termasuk kandungan pornografi membabitkan kanak-kanak.

Pakar Pengurusan Perkhidmatan Teknologi Maklumat di Pertama Digital Berhad, Dr T Sashi Kumar berkata, pergantungan semata-mata kepada pihak berkuasa atau agensi tertentu tidak mencukupi untuk menangani masalah itu secara berkesan.

"Kita perlu menggabungkan kepakaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), CyberSecurity Malaysia, serta kepolisan komuniti yang kini semakin relevan.

"Apabila komuniti yang menggunakan Internet menyedari kewujudan sumber atau saluran yang menyebarkan bahan terlarang ini, perlu ada mekanisme untuk mereka membuat laporan atau memberikan maklumat, supaya pengurusan sumber risikan menjadi lebih berkesan," katanya kepada Bernama.

Sashi Kumar turut menekankan bahawa pemilikan dan penggunaan kandungan pornografi kanak-kanak kini membimbangkan, kerana sesiapa saja boleh mengakses bahan itu melalui pelbagai saluran, termasuk platform bukan arus perdana seperti *dark web*.

Beliau menjelaskan bahawa saluran itu sukar dipantau secara komprehensif kerana ia berada di luar radar penguatkuasaan pihak berkuasa.

"Oleh itu, kita perlu mengubah pendekatan pemantauan terhadap pemilikan dan penggunaan video ini. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada kaedah tradisional seperti laporan atau penguatkuasaan biasa.

"Sebaliknya, kita perlu menggunakan perisikan mendalam untuk mengenal pasti punca bahan terlarang ini disimpan dan disebarkan," katanya.

Pada Selasa, Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain memaklumkan seramai 13 lelaki tempatan, termasuk seorang warga emas, ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan seksual secara dalam talian membabitkan bahan penderaan seksual kanak-kanak (CSAM) dalam serbuan di enam negeri.

Pemeriksaan ke atas peranti yang dirampas di kediaman semua suspek berusia antara 20 hingga 74 tahun menemukan kira-kira 40,000 bahan CSAM dan bahan pornografi.

Mengulas mengenai keselamatan siber, Sashi Kumar berkata, cabaran utama kini ialah keupayaan pihak penggodam yang lebih maju berbanding teknologi dan perisian keselamatan sedia ada, selaras perkembangan pesat teknologi anti-keselamatan (*anti-security*).

"Persekitaran penggodaman dan kompromi keselamatan sangat dinamik. Syarikat perlu segera berkongsi maklumat mengenai jenis serangan baharu yang mereka hadapi, supaya langkah pencegahan boleh diambil dengan lebih pantas.

"Selain itu, laporan kepada pihak berkuasa seperti CyberSecurity Malaysia juga penting untuk memastikan maklumat terkini dapat dikongsi dengan semua pihak berkaitan," katanya.

Sashi Kumar turut menyambut baik penguatkuasaan Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854), yang menurutnya menyediakan asas kukuh untuk menangani pelbagai isu keselamatan siber seperti penggodaman, buli siber, dan jenayah penipuan (*scam*).

"Akta Keselamatan Siber 2024 adalah undang-undang yang baik untuk menangani masalah sedia ada. Dengan penguatkuasaan yang lebih ketat, saya percaya kita dapat mengekang isu-isu berkaitan keselamatan siber," katanya.

**Disiarkan pada: Disember 26, 2024 @ 3:15pm**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DON'T JUST RELY ON COPS TO CHECK CHILD PORN, SAYS EXPERT | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Don't just rely on cops to check ch ld porn, says expert

**KUALA LUMPUR:** Community policing is an essential approach in addressing the possession and use of illicit materials in the country, such as pornography, particularly when it involves children, according to an information technology (IT) expert.

Pertama Digital Bhd IT service management specialist Dr T. Sashi Kumar said relying solely on the expertise of authorities or agencies is not enough to tackle the issue effectively.

"We need to combine the expertise of the Royal Malaysia Police, the Malaysian Communications and Multimedia Commission, CyberSecurity Malaysia, and also community policing, which is very important today.

"When members of the community using the Internet become aware of sources or channels distributing illicit materials, there needs to be a mechanism for them to report or provide information so that the management of intelligence resources can be more effective," he told Bernama.

At the same time, Sashi Kumar expressed concern over the possession and use of child pornography, as anyone could gain access to such materials through various channels, including non-mainstream ones like the dark web.

He said this is because such channels cannot be comprehensively monitored as they are outside the radar of enforcement, control and supervision by the relevant authorities.

"What we need to do is change the way we monitor the possession and use of these videos, not just relying on conventional methods like reports or regular enforcement. Instead, we need to have some intelligence by using deeper surveillance or moles to try to identify where these illicit videos or materials are stored and distributed," he said.

On Wednesday, Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain announced that 13 local men, including an elderly person, had been arrested on suspicion of committing online sexual offences involving chil l sexual abuse material (CSAM) in raids across six states.

Examinations of devices used at the residences of all the suspects, aged between 20 and 74, revealed an estimated 40,000 CSAM files and pornographic materials.

Commenting on cybersecurity, Sashi Kumar said the main challenge at present is the increasing sophistication of hackers compared to the companies or software used to protect cybersecurity, due to the rapid development of anti-security measures.

As a result, he said, the dynamic changes occurring in the hacking environment or security compromises must be given appropriate attention.

Meanwhile, the IT expert also said the Cybersecurity Act 2024 (Act 854) provides an opportunity for more comprehensive enforcement in addressing any issues related to cybersecurity, including hacking, cyberbullying and scams.

"In the context of Malaysia, the Act is a good law to address the problems we face and I believe stricter enforcement of it will curb any issues we may encounter in cybersecurity," he said.

# Banjir Raub pulih sepenuhnya

Bernama
26/12/2024 12:30 MYT



*Banjir di daerah Raub telah pulih sepenuhnya, dan empat mangsa daripada satu keluarga telah dibenarkan pulang ke rumah mereka. -Gambar fail/APM*

**KUANTAN:** Situasi banjir di Pahang menunjukkan perkembangan positif apabila jumlah mangsa semakin berkurangan susulan banjir di daerah Raub pulih sepenuhnya selepas penutupan pusat pemindahan sementara (PPS) pagi tadi.

Menurut Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Raub, seramai empat mangsa daripada satu keluarga yang ditempatkan di PPS Balairaya Kampung Tersang sejak 11.30 pagi semalam telah dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing sekitar pukul 8 pagi tadi.

Sementara itu, di daerah Lipis, seramai 89 mangsa daripada 28 keluarga masih berada di dua PPS setakat 11.30 pagi ini, menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mereka ditempatkan di Masjid Kampung Beletik dan Sekolah Kebangsaan Lubuk Kulit.

Semakan di portal Public Info Banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula mendapati empat sungai di negeri ini berada dalam keadaan waspada, iaitu Sungai Pahang di Kuala Krau, Temerloh; Sungai Kuantan di Kuantan Bypass, Kuantan; Sungai Dong di Kampung Peruas, Raub; serta Sungai Jelai di Jeti Lipis, Lipis.

-- BERNAMA




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | GIRL MAKE UP MOST MISSING CHILDREN IN MALAYSIA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

421 CASES

# GIRLS MAKE UP MOST MISSING CHILDREN IN MALAYSIA

They face higher societal pressures, restrictions than boys, say activists

MOHAMAD AL AS
**KUALA LUMPUR**
alas.yunos@nst.com.my



INFOGRAPHIC NST

GIRLS vastly outnumbered boys among missing children in Malaysia this year.

Data from Bukit Aman's Sexual, Women and Child Investigation Division (D11) showed that in the first half of the year, 421 of the 572 reported missing children were girls, making up 73.6 per cent of the total.

Data also showed that most missing children were aged 13 to 18, and 59 cases involved younger children aged 7 to 12.

According to the statistics, the majority of the disappearances took place in January, with 117 children reported missing that month.

Up to June, 484 had been found, with 88 still missing.

Child activist Datuk Dr Hartini Zainudin, co-founder of Yayasan Chow Kit, attributed the higher number of missing girls to additional social pressures and restrictions that might lead them to run away.

She said girls were often targeted more for exploitation, which could account for some disappearances.

She added that there might be an under-reporting of missing boys due to societal expectations of male independence.

"There is a longstanding preference for sons over daughters. How much does this play a factor?"

Such preferences, said Hartini, could lead to neglect and undervaluing of girls, increasing their vulnerability.

"This can result in adverse situations, including running away



*(Girls may feel) misunderstood or unsupported at home, seeking independence or an escape from strict rules, or due to peer pressure...*

**DATUK DR HARTINI ZAINUDIN**
Yayasan Chow Kit co-founder

or being trafficked.

"(Girls may feel) misunderstood or unsupported at home, seeking independence or an escape from strict rules, or due to peer pressure and the desire to fit in with friends, as well as romantic relationships disapproved of by parents, abuse, neglect, or other serious family problems," she said.

Fellow activist and Suriana Welfare Society chairman Dr James Nayagam supported these observations, emphasising the influence of romantic relationships.

"Most of the time, there's a boyfriend in the picture. Either he disliked her parents or the relationship with the parents is very, very weak."

Nayagam added that in some cases, it was due to a group or a gang deciding to run away with the girl.

A lack of school attendance has also been identified as a significant contributor to the growing issue of runaways and missing children.

"(Not attending school causes) reduced adult supervision and structure in a child's life," said Hartini.

According to the data, 82 children were not attending school at the time of their disappearance, while 104 had stopped attending school in the past.

This absence, Hartini said, deprived children of essential support mechanisms.

"(There would be) fewer opportunities to build positive peer relationships," she said, highlighting how school environments fostered healthy social connections.

Beyond social interactions, schools offer critical resources that can safeguard children from negative influences.

Hartini warned that a lack of structured education "increases the risk of engaging in risky behaviours" and might push children towards dangerous choices.

Nayagam agreed, drawing attention to a pattern he has observed.

"I have yet to come across a child (who is regularly) attending school going missing," he said.

He noted that many children



*Most of the time, there's a boyfriend in the picture. Either he disliked her parents or the relationship with the parents is very, very weak.*

**DR JAMES NAYAGAM**
Suriana Welfare Society chairman

who went missing often came from "the lower-performing class" of the school, struggling academically.

Nayagam also raised the alarm on criminal elements linked to cases of runaway and missing children, especially among older minors.

"The girls are lured into prostitution and other things such as pornography," he said, adding that in these case, there were at times the involvement of criminal networks.

He also said in many cases he had handled, young male peers acted as facilitators.

"In situations involving young girls that I have dealt with, it's basically the boy who acts as a pimp."

He said the financial incentive for such activities could be significant, entrenching the cycle of exploitation.

Nayagam said these young girls often remained in such situations willingly, lured by the promise of income.

While police's statistics showed that only a handful of missing children cases involved criminal elements, Nayagam said the situation needed greater examination.

"It is something that we need to look at in much greater detail, rather than just accepting the figures," he said.

Earlier this year, Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said an average of two children went missing each day between 2020 and September 2024.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INTERNET IS NOW A DARK PLAYGROUND | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

OP PEDO BERSEPADU PDRM-MCMC

# 'INTERNET IS NOW A DARK PLAYGROUND'

## Bukit Bendera MP calls for reforms to end digital predation on children

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

THE recent Op Pedo Bersepadu PDRM-MCMC, which led to the arrests of individuals for possession and distribution of child sexual abuse material (CSAM), exposes a disturbing reality within our society.

Bukit Bendera member of parliament Syerleena Abdul Rashid has called for Malaysia to end digital predation on children.

"The fact that suspects were able to operate under false identities on platforms like X and Telegram, accessing and distributing explicit content with ease, is a glaring indictment of the state of online governance.

"The communications minister's proposal for a social media licensing framework is a step in the right direction, but it is insufficient. We must demand immediate and comprehensive reforms that hold these platforms accountable for the content they host," she said in a statement.

Syerleena said the Internet had become a dark playground for those seeking to exploit children.

"From predators lurking behind anonymous profiles to harmful content masquerading as entertainment, children are bombarded with threats to their safety and wellbeing.

"Social media platforms, gaming communities and even educational apps have become gateways for cyberbullying, grooming and exposure to disturbing material.

"The lack of accountability in digital spaces has allowed these horrors to flourish unchecked, so there is an urgent need to strengthen and ensure the protection of our children through clear regulations."

She urged the government to implement stringent regulations that would compel social media companies to prioritise user safety and actively prevent the dissemination of CSAM.

"Protecting our children is not just a collective responsibility, but a moral imperative that demands immediate and decisive action," Syerleena said.

Information technology expert Dr T. Sashi Kumar told Bernama that relying solely on the expertise of authorities or agencies was insufficient to tackle the issue.

"We need to combine the expertise of the police, the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), CyberSecurity Malaysia and also community policing.

"When community members using the Internet become aware of sources or channels distributing illicit materials, there needs to be a mechanism for them to report or provide information, so that managing intelligence resources can be more effective."

He also expressed concern that anyone could gain access to child pornography through various channels, including non-mainstream ones like the dark web.

Such channels, he said, could not be comprehensively monitored as they were outside the authorities' radar of enforcement, control and supervision.

"We need to change the way we monitor possession and use of these videos, and not just rely on conventional methods like reports or regular enforcement.

"We need to gather intelligence through deeper surveillance or moles to identify where these illicit videos or materials are stored and distributed," Sashi Kumar said.

On Monday, the police and the MCMC launched a blitz against individuals suspected of possessing and distributing CSAM across six states.

The raids led to the arrests of 13 individuals and the seizure of 40,000 CSAM and pornographic content.

The operation came after a series of reports by the *New Straits Times* on the rampant sale of Malaysian-made explicit content, including CSAM, on social media and messaging platforms.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KAPIT PPDK CHILDREN, PARENTS GATHER FOR CHRISTMAS PARTY | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |




The children, their parents and guests in a photo call during the party.

# Kapit PPDK children, parents gather for Christmas party

**KAPIT:** The community-based rehabilitation (PPDK) here on Wednesday held a Christmas party for its special needs children and their parents.

The party was sponsored by Kapit Lions Club, whose members were also present.

In thanking the club for the sponsorship, PPDK Kapit management board chairman Stanley Ling said the gathering was to bring festive cheer to the children.

"We always organise such gatherings during festive occasions including Chinese New Year, Hari Raya and Gawai, involving not just the children but their parents and our staff.

"As we don't have allocations to hold such activities, we rely on contributions from non-governmental organisations to cover expenses. In this regard, I would like to thank Kapit Lions Club for sponsoring today's Christmas party," he said.

Ling added the club members had helped to prepare food for the party and gifts for the children.

The PPDK is under the Kapit Welfare office, which funds its operation.

During the party, the children performed dances and also sang for the guests.

Among those present were Kapit Welfare office Jimat Kanchin, Kapit Lions Club president Angeline Ngie and community leader Penghulu Jenny Yu.

# IOIPG rai kanak-kanak rumah kebajikan

FARHANA ABD KADIR Follow

26 Disember 2024 03:54pm




Kakitangan IOIPG meraikan kanak-kanak dan remaja dari Pusat Jagaan Rumah Keluarga Kami (RKK) Kajang sempena Krismas baru-baru ini.

IOI Properties Group (IOIPG) menerusi IOIPG Foundation Christmas Wish Tree meraikan 22 kanak-kanak di Pusat Jagaan Rumah Keluarga Kami (RKK) Kajang, Selangor.

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan tersebut, Kim Teoh berkata, usaha tersebut penting bagi memberi impak positif kepada masyarakat yang memerlukan bantuan.

Menurutnya, yayasan IOIPG akan terus memperkasa belia selain meneruskan semangat memberi kepada golongan yang memerlukan.

"Menyaksikan keterujaan kanak-kanak dan mengetahui bahawa kakitangan kami memainkan peranan dalam merealisasikan hasrat mereka benar-benar menggembirakan.

"Inisiatif ini mencerminkan kepercayaan mendalam IOIPG untuk mengubah kehidupan, nilai yang diterapkan oleh pengasas kami iaitu, mendiang Tan Sri Dr Lee Shin Cheng.

"Melalui Yayasan IOIPG, kami berdedikasi untuk meneruskan legasinya dengan memperkasakan belia dan memupuk semangat memberi dalam komuniti kita," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Mengulas lanjut, menurut Teoh, selain beramah mesra, mereka turut mengadakan pelbagai aktiviti dan permainan menarik sepanjang hari bagi mencipta kenangan gembira sempena hari Krismas.

Tambahnya, kakitangan mereka turut menyumbang RM1,000 secara peribadi selain menikmati hidangan perayaan dan mencipta pengalaman Krismas yang cukup bermakna kepada kanak-kanak tersebut.

Ujar beliau, dengan meneruskan inisiatif tersebut mereka akan berusaha memenuhi hasrat pendidikan, pembangunan belia dan keperluan hidup setiap kanak-kanak.

"Kami turut menyediakan persembahan luar biasa termasuk acara nyanyian, tarian, beatboxing dan persembahan piano.

"Usaha ini menunjukkan IOIPG akan meneruskan tanggungjawab sosial korporat dan dedikasi sedia ada untuk menyokong komuniti yang kurang bernasib baik.

"Kami akan memperkasakan belia dan terus memperjuangkan visi syarikat untuk memberi impak positif yang berkekalan dalam kehidupan kanak-kanak ini dan masyarakat secara keseluruhannya," katanya.



Petroliam Nasional Bhd (Petronas), melalui cabang impak sosialnya Yayasan Petronas, telah menceriakan sambutan Krismas bagi 500 keluarga kurang bernasib baik di selatan tanah air menerusi inisiatif "Uplifting Lives Festive" (ULF). Foto Yayasan Petronas (FB)

# Yayasan Petronas bantu 500 keluarga kurang bernasib baik sempena Krismas

By *Bernama* #bm, Malaysia December 26, 2024 10:55 PM

JOHOR BAHRU, 26 Dis: Petroliam Nasional Bhd (Petronas), melalui cabang impak sosialnya Yayasan Petronas, telah menceriakan sambutan Krismas bagi 500 keluarga kurang bernasib baik di selatan tanah air menerusi inisiatif "Uplifting Lives Festive" (ULF).

Pengurus Besar Wilayah Selatan Petronas Mohd Zaki Mahat berkata inisiatif dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu melibatkan sumbangan barangan keperluan dan makanan kepada 200 keluarga di Johor, Negeri Sembilan (150) dan Melaka (150) bermula 13 Dis lepas.

"Setiap sumbangan pek perayaan itu mengandungi pelbagai jenis barangan makanan asas selain makanan istimewa sempena Krismas seperti biskut keluaran usahawan Memampankan Ekonomi Asas Rakyat (MEKAR). MEKAR adalah inisiatif oleh Yayasan Petronas bertujuan memperkasakan komuniti tempatan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata sumbangan itu diharapkan dapat meringankan beban mereka yang kurang bernasib baik agar dapat menyambut perayaan itu dengan gembira dan bermakna.

Sementara itu, Sebestian Murukaiyah, 54, seorang daripada penerima dari Melaka berkata sumbangan tersebut memberi semangat untuk dia dan keluarga menyambut Krismas.

"Saya dan isteri kehilangan sumber pendapatan berikutan masalah kesihatan yang dihadapi, jadi kami sudah lama tidak meraikan Krismas. Terima kasih kepada Petronas atas sumbangan pek perayaan ini. Kami akan menggunakan sumbangan ini untuk menyediakan makanan istimewa sempena Krismas," kata bapa kepada tiga anak itu.

May Glory Lopez, 70, dari Seremban, Negeri Sembilan yang menghidap poliomielitis sejak kecil, turut berterima kasih atas sumbangan yang bermakna itu.

"Saya sangat bersyukur menerima sumbangan ini. Anak lelaki saya berulang-alik setiap hari ke Kuala Lumpur dan bekerja tanpa mengenal penat untuk membantu saya serta suami, jadi sumbangan ini amat bermakna bagi kami," katanya.

Milah Lasip, 55, seorang pekerja pembersihan di sebuah gereja di Batu Pahat, Johor dan mempunyai anak lelaki menghidap sakit jantung kronik juga berterima kasih atas sumbangan tersebut.

Tahun ini, Yayasan Petronas telah menyumbang keseluruhan 11,850 pek perayaan di seluruh negara dengan 2,050 pek diagihkan kepada keluarga di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. -TVS

# Alumni 4B Malaysia lancar Tabung Kebajikan Negeri



HASAN Rahman (tiga, kanan) menyumbang RM1 sebagai simbolik pelancaran Tabung Kebajikan Negeri (TAKE) di Pejabat UMNO Bahagian Hang Tuah Jaya, Bukit Katil, Melaka.

Oleh AMRAN MULUP 26 Disember 2024, 4:52 pm

MELAKA: Pertubuhan Bekas Ahli 4B Malaysia (Alumni 4B Malaysia) melancarkan Tabung Kebajikan Negeri (TAKEN) bagi membantu rakyat yang ditimpa kesusahan tanpa mengira agama dan kaum di negara ini.

Timbalan Presidennya, Datuk Hasan Rahman berkata, tabung berkenaan adalah inisiatif pertubuhan itu memberi peluang kepada orang ramai dan mana-mana pihak untuk menyumbangkan hanya RM1 ke tabung berkenaan.

Menurutnya, sumbangan RM1 boleh terus disalurkan kepada Alumni 4B Malaysia melalui Tabung Kebajikan Negeri di nombor akaun Ambank 8881006388712.

Beliau berkata, sebagai permulaan tabung berkenaan telah dilancarkan dengan Pertubuhan Alumni 4B Malaysia cawangan Melaka baru-baru ini dan akan dilancarkan di peringkat kebangsaan Januari depan.

"Saya amat berharap rakyat terutama di Melaka termasuk ahli Alumni 4B dengan keahlian 70,000 di seluruh negara serta ahli Gerakan Belia 4B Malaysia seramai 100,000 ahli boleh menyumbang RM1.

"Tabung ini kita gerakan adalah semata-mata ingin menyalurkan bantuan kepada rakyat yang ditimpa kesusahan akibat banjir, mereka yang menghidap penyakit kronik dan buat anak-anak yang ingin menyambung pelajaran serta bantuan lain yang akan kita perluaskan.

"Kita didatangi ramai orang perseorangan memohon bantuan tetapi kita kurang dana dan hanya dapat membantu sedikit dan jika TAKEN ini mendapat sambutan menggalakkan Insya-Allah kita dapat membantu mereka yang memerlukan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Hasan berkata, pertubuhan itu sedia bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk sama membantu rakyat ditimpa kesusahan.

Menurutnya, orang ramai tidak perlu risau dengan sumbangan yang diberikan kerana ia akan diuruskan oleh jawatankuasa yang akan dibentuk Januari depan serta akan diaudit agar tidak disalahgunakan.

"Saya memberi jaminan setiap sumbangan yang disalurkan akan diurus dengan baik serta bantuan yang akan disalurkan kepada golongan yang memerlukan," katanya. – UTUSAN

# Bayi 41 hari sering sawan didakwa terjatuh katil hospital

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN 26 Disember 2024, 3:16 pm



Muhammad Syarifuddin (tengah) menunjukkan laporan polis yang dibuatnya berhubung insiden menimpa bayinya sambil ditemani Mohd. Hazwan (kanan) di IPD Kuala Terengganu hari ini.

KUALA TERENGGANU – Seorang bapa mendakwa bayi perempuannya terjatuh sewaktu berusia dua hari akibat kecuaian pengurusan sebuah hospital di bandar raya ini.

Muhammad Syarifuddin Manan, 24 mendakwa, anak sulungnya yang kini berusia 41 hari sering mengalami sawan berikutan insiden yang berlaku pada 17 November lalu.

"Anak saya terjatuh dari katil bayi ketika ingin dipindahkan ke hospital lain untuk mendapatkan rawatan jaundis (demam kuning).

"Dia dilahirkan normal dengan berat 3.3 kilogram (kg) namun setelah terjatuh, kesihatannya sering terganggu akibat kecederaan pada bahagian kepala," dakwanya di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Terengganu di sini hari ini.

Terdahulu peniaga tersebut yang ditemani peguam, Mohd. Hazwan Hamidun membuat laporan polis berhubung insiden menimpa bayinya.

Muhammad Syarifuddin mendakwa bayi perempuan sudah beberapa kali dimasukkan ke hospital akibat sawan selepas insiden berkenaan.

"Saya dan isteri juga tidak berpuas hati dengan penjelasan diberi pihak hospital apatah lagi kami tidak dibenarkan untuk melihat rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) untuk melihat sendiri insiden tersebut dengan lebih jelas," dakwanya. – KOSMO! ONLINE




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 9 JAJAHAN DI KELANTAN DIRAMAL BANJIR | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 27 DIS 2024 | M/SURAT : | 19 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 9 jajahan di Kelantan diramal banjir

## Bah babit lembangan sungai susulan jangkaan hujan berterusan

Oleh Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meramalkan banjir di sembilan jajahan di Kelantan bermula Ahad depan.

JPS menerusi kenyataan memaklumkan jajahan terbabit ialah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Pasir Puteh, Bachok, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai dan Jeli.

"Di jajahan **Tumpat**, banjir dijangka membabitkan lembangan Sungai Golok, Sungai Kelantan dan Sungai Pengkalan Nangka.

Sementara di **Pasir Mas** membabitkan lembangan Sungai Golok dan lembangan Sungai Kelantan.

"Di **Kota Bharu** pula membabitkan tiga lembangan sungai iaitu lembangan Sungai Kelantan, lembangan Sungai Pengkalan Datu dan lembangan Sungai Semerak. Selain itu, di Pasir Puteh membabitkan lembangan Sungai Kelantan dan lembangan Sungai Semerak," menurut kenyataan itu.

Bagi jajahan **Bachok**, banjir dijangka membabitkan lembangan Sungai Kemasin dan lembangan Sungai Semerak, manakala di Tanah Merah, membabitkan lembangan Sungai Golok dan lembangan Sungai Kelantan.

Di **Kuala Krai**, banjir dijangka membabitkan lembangan Sungai Kelantan, manakala di Jeli, membabitkan lembangan Sungai Golok dan lembangan Sungai Kelantan.

"JPS akan terus melakukan pemantauan secara berterusan dan mengemas kini hebahan amaran banjir jika hujan signifikan berterusan di lembangan sungai itu," menurut kenyataan itu.

Banjir diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat daripada tarikh jangkaan. Oleh itu, semua agensi pengurusan bencana serta penduduk di kawasan berisiko diminta berwaspada dan sentiasa peka terhadap arahan pihak berkuasa seperti laporan *BERNAMA*.

### Hilang punca pendapatan

Sementara itu di **Setiu**, Terengganu seorang warga emas orang kurang upaya (OKU) cacat penglihatan hilang punca pendapatan selepas tanaman di atas tanah seluas 0.4 hektar rosak akibat banjir November lalu.

Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga apabila kejadian itu turut memusnahkan pelbagai barang selepas kediaman didiaminya bersama isteri dan tiga anak di Kampung Seri Kenangan, Pelong, di sini, ditenggelami air sedalam tiga meter.

Warga emas terbabit, Mat Zin Sulaiman, 61, berkata beliau mengalami kerugian hampir RM15,000 apabila semua tanaman kacang panjang dan jagung musnah.

Mat Zin yang sudah mengusahakan tanaman berkenaan di bawah Projek Tanaman Kontan Berkelompok sejak 32 tahun lalu, berkata walaupun sedih, beliau reda dengan apa yang berlaku.

"Ini kejadian pertama hasil tanaman musnah akibat banjir menyebabkan kerugian besar sejak mengusahakannya pada 1992," katanya selepas menerima kunjungan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, Datuk Rozi Mamat, semalam.



*Lembangan Sungai Golok antara diramal terbabit banjir susulan hujan berterusan.* (Foto fail NSTP)



*Mat Zin menunjukkan tanaman jagung yang rosak ditenggelami banjir di Kampung Seri Kenangan, Pelong, Setiu.* (Foto Ghazali Kori/BH)



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FLOOD FORECASE IN 9 DISTRICTS IN KELANTAN; FLOODS EASE IN PENANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

BE VIGILANT

# Flooding forecast in 9 districts in Kelantan; floods ease in Pahang

**KOTA BARU:** The Irrigation and Drainage Department (DID) said there might be flooding in nine districts in Kelantan for three days from Sunday.

The districts are Tumpat, Pasir Mas, Kota Baru, Pasir Puteh, Bachok, Tanah Merah, Machang, Kuala Krai and Jeli.

"For Tumpat, the areas at risk include the Sungai Golok, Sungai Kelantan and Sungai Pengkalan Nangka basins.

"In Pasir Mas, the Sungai Golok and Sungai Kelantan basins are at risk.

"In Kota Baru, three river basins are at risk — Sungai Kelantan, Sungai Pengkalan Datu and Sungai Semerak.

"In Pasir Puteh, the Sungai Kelantan and Sungai Semerak basins are at risk," the department said in a statement yesterday.

For Bachok, the forecast covers the Sungai Kemasin and Sungai Semerak basins, while in Tanah Merah, it covers the Sungai Golok and Sungai Kelantan basins.

"In Kuala Krai, the Sungai Kelantan basin is at risk, while in Jeli, the Sungai Golok and Sungai Kelantan basins are at risk.

"The department will continue monitoring and provide updates on flood warnings if significant rainfall persists in these basins," the DID said.

The department said floods could occur earlier or later than the forecast.

Disaster management agencies and residents, especially those in flood-prone areas, were advised to remain vigilant and heed instructions from the authorities.

In **Pahang**, the flood situation saw improvement, with a decrease in the number of evacuees at temporary flood relief centre (PPS) yesterday.

The Raub Disaster Management Committee Secretariat said four evacuees from one family sheltering at the Balairaya Kampung Tersang PPS since Wednesday returned home at 8am yesterday. The centre was then closed.

In Lipis, the Social Welfare Department's Info Bencana portal reported that 89 flood victims from 28 families remained at two PPS, namely Masjid Kampung Beletik and SK Lubuk Kulit.

The DID's Public Infobanjir portal showed that four rivers in the state were at the alert level — Sungai Pahang in Kuala Krau, Temerloh; Sungai Kuantan at the Kuantan Bypass; Sungai Dong in Kampung Peruas, Raub; and Sungai Jelai at the Lipis Jetty.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | RAKAM VIDEO LUCAH ANGGOTA KELUARGA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

LELAKI DIPENJARA 4 HARI, DENDA RM4,000

# Rakam video lucah anggota keluarga

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

Seorang lelaki yang merakam dan menyimpan video lucah milik ahli keluarga termasuk neneknya dipenjara empat hari dan denda RM4,000 selepas mengaku bersalah Mahkamah Majistret, semalam.

Tertuduh yang berusia 23 tahun dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dikemukakan oleh jurubahasa di hadapan Majistret Suhaila Shafi'uddin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bekerja di kebun kelapa sawit didakwa menyimpan video dan gambar lucah dalam telefon miliknya di sebuah rumah di Sri Medan di sini, jam 11.15 malam, 23 Disember lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta dan laporan, polis menerima maklumat daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) berhubungan pautan yang digunakan tertuduh yang mana ia ada kaitan dengan video lucah dirakamnya.

Sebaik menerima maklumat itu, polis menyerbu rumah didiami tertuduh bersama ahli keluarga lain sebelum merampas telefon bimbitnya.



TERTUDUH didakwa di Mahkamah Majistret Batu Pahat.

Pemeriksaan menemukan beberapa gambar dan video yang dirakam tertuduh. Hasil soal siasat, tertuduh mengaku bahan lucah itu milik nenek, ibu saudara dan sepupuya.

Semua video dan gambar itu dirakam ketika mereka sedang mandi dan juga menyalin pakaian dalam bilik.

**Video dan gambar dirakam ketika mereka sedang mandi dan salin pakaian dalam bilik**

Pada prosiding itu, pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Farah Wahidah Mohd Sharip manakala tertuduh diwakili Tan Song Yan daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhi hukuman penjara kerana bimbang kemungkinan tertuduh akan melakukan perkara sama jika dikenakan denda.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SAMPAI MATI TIADA NAFKAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 27 DIS 2024 | M/SURAT | : | 01&02&03&04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |






# SAMPAI MATI TAK PERNAH BAGI NAFKAH

*Wanita, tiga anak diabai bekas suami enggan beri wang belanja walaupun berulang kali diminta*

Oleh Amir Abd Hamid dan Sudirman Mohd Tahir

"Sebelum itu, pernah sekali dia berikan RM800 ketika kerajaan membenarkan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Dia berpesan kepada anak supaya tidak boros berbelanja sedangkan sebelum itu, dia tidak pernah beri walaupun satu sen" — Nurul

"Perlu diingat, walaupun isteri bekerja, nafkah itu hak isteri dan suami tetap perlu memberikan nafkah dan bukan lepas tangan" — Pegawai Syariah, Yuszairi Zam Zam

## Kurang hakim punca lewat bicara

## Ambil sikap sambil lewa laksana tanggungjawab

"Kefahaman si suami atas tanggungjawabnya sebagai suami untuk menafkahi isteri dan tanggungjawab bapa menafkahi anaknya, macam tak ambil berat" — Yuszairi

## Caruman KWSP boleh jadi nafkah



# Dah letih minta hak!

*Isteri tidak merasa nafkah suami sepanjang 25 tahun kahwin*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin

## Bagus-PGSM terima 1,498 permohonan bantuan guaman

## Suami culas beri macam-macam alasan